

Bil. S 95

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA KEBANKRAPAN (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 6 dari Penggal 67.
 3. Pemasukan bab-bab 30A dan 30B baru.
 4. Penggantian bab 32.
 5. Pindaan bab 43.
 6. Pindaan bab 46.
 7. Pemasukan bab 61A baru.
 8. Pemasukan Bahagian IIIA baru.
 9. Pemasukan bab 115A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA KEBANKRAPAN (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Kebankrapan (Pindaan), 2012.

Pindaan bab 6 dari Penggal 67.

2. Bab 6 dari Akta Kebankrapan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta utama, adalah dipinda, dalam ceraihan (1)(a), dengan memotong “\$500” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “\$10,000”.

Pemasukan bab-bab 30A dan 30B baru.

3. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan dua bab baru yang berikut sejurus selepas bab 30 —

“Pelepasan dengan perakuan pemegang amanah.

30A. (1) Pemegang amanah boleh, atas budi bicaranya dan tertakluk kepada bab 30B, mengeluarkan suatu perakuan yang melepaskan orang bankrap dari kebangkrapan.

(2) Pemegang amanah tidak boleh mengeluarkan suatu perakuan yang melepaskan orang bankrap dari kebangkrapan di bawah ceraihan (1) melainkan jika —

(a) tempoh 3 tahun telah luput sejak tarikh kebangkrapan itu bermula; dan

(b) hutang yang telah dibuktikan dalam kebangkrapan tidak melebihi \$100,000.

(3) Notis setiap pelepasan di bawah ceraihan (1) hendaklah diberikan kepada Pendaftar dan disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan diiklankan dalam mana-mana suratkhbar tempatan.

(4) Pemegang amanah hendaklah, atas permohonan orang bankrap atau pemiutangnya atau orang lain yang berkepentingan, mengeluarkan satu salinan perakuan pelepasan itu kepada pemohon selepas bayaran yang ditetapkan dibuat.

Bantahan oleh pemiutang untuk melepaskan orang bankrap di bawah bab 30A.

30B. (1) Sebelum mengeluarkan suatu perakuan pelepasan di bawah bab 30A, pemegang amanah hendaklah menyampaikan kepada setiap pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang suatu notis mengenai niatnya untuk melepaskan orang bankrap itu, berserta dengan suatu pernyataan mengenai sebab-sebab dia mahu berbuat demikian.

(2) Pemiutang yang telah disampaikan dengan suatu notis di bawah cerai (1) dan yang berhasrat hendak membuat suatu bantahan kepada pemegang amanah yang mengeluarkan suatu perakuan yang melepaskan orang bankrap itu boleh, dalam masa 21 hari dari tarikh notis pemegang amanah, memberikan kepada pemegang amanah suatu pernyataan mengenai alasan bantahannya.

(3) Pemiutang yang tidak memberikan kepada pemegang amanah suatu pernyataan mengenai alasan bantahannya menurut cerai (2) hendaklah dianggap sebagai tidak mempunyai bantahan terhadap pelepasan itu.

(4) Pemiutang yang telah memberikan kepada pemegang amanah suatu pernyataan mengenai alasan bantahannya menurut cerai (2) boleh, dalam masa 21 hari dari diberitahu oleh pemegang amanah bahawa bantahannya telah ditolak, membuat suatu permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah yang melarang pemegang amanah dari mengeluarkan suatu perakuan pelepasan.

(5) Setiap permohonan di bawah cerai (4) hendaklah disampaikan kepada pemegang amanah dan kepada orang bankrap dan Mahkamah hendaklah mendengar pemegang amanah dan orang bankrap itu sebelum membuat suatu perintah atas permohonan itu.

(6) Atas suatu permohonan yang dibuat di bawah cerai (4), Mahkamah boleh, jika difikirkannya adil dan wajar —

(a) menolak permohonan itu;

(b) membuat suatu perintah bahawa orang bankrap itu tidak boleh diberikan suatu perakuan pelepasan oleh pemegang amanah bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun; atau

(c) membuat suatu perintah yang membenarkan pemegang amanah untuk mengeluarkan suatu perakuan yang melepaskan orang bankrap itu tetapi tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut untuk dikenakan oleh Mahkamah, termasuk syarat-syarat berkenaan dengan —

- (i) apa-apa pendapatan yang mungkin kena dibayar kemudiannya kepada orang bankrap itu setelah dia dilepaskan; atau
- (ii) mana-mana harta yang diturunkan kepada orang bankrap itu, atau yang diperolehi olehnya, setelah dia dilepaskan,

sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu.”.

Penggantian bab 32.

4. Bab 32 dari Akta utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Kesan pelepasan.

32. (1) Tertakluk kepada bab ini dan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah di bawah bab 30 atau 30B, jika orang bankrap dilepaskan, maka pelepasan itu hendaklah membebaskannya dari semua hutangnya yang boleh dibuktikan dalam kebangkrutan tetapi tidaklah mempunyai kesan —

(a) ke atas tugas-tugas (setakat mana tugas-tugas itu terus dilaksanakan) pemegang amanah; atau

(b) ke atas kuatkuasa, bagi maksud-maksud melaksanakan tugas-tugas tersebut, peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Pelepasan tidaklah membebaskan orang bankrap itu dari —

(a) apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan; atau

(b) apa-apa hutang yang atasnya orang bankrap itu boleh dituduh dalam guaman —

- (i) Kerajaan atau mana-mana orang lain kerana apa-apa kesalahan di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan mana-mana cabang hasil kerajaan; atau
- (ii) *Sheriff* atau pegawai kerajaan lain dengan bon jaminan yang dibuat bagi kehadiran mana-mana orang yang didakwa kerana sebarang kesalahan tersebut.

(3) Orang bankrap boleh dilepaskan dari apa-apa hutang yang disebut dalam ceraian (2) hanya dengan suatu perakuan secara bertulis oleh Menteri.

(4) Pelepasan tidaklah menjejaskan hak mana-mana pemiutang bercagar kepada orang bankrap itu untuk melaksanakan jaminannya bagi pembayaran sesuatu hutang yang darinya orang bankrap itu dilepaskan.

(5) Pelepasan tidaklah membebaskan orang bankrap itu dari —

(a) apa-apa hutang yang boleh dibuktikan yang ditanggung olehnya berkaitan dengan, atau toleransi yang berkaitan dengannya telah didapatkan dengan cara, apa-apa fraud atau pecah amanah secara fraud yang dia adalah pihak kepada fraud atau pecah amanah secara fraud itu; atau

(b) apa-apa liabiliti berkaitan dengan suatu denda yang dikenakan kerana suatu kesalahan.

(6) Pelepasan tidaklah, kecuali setakat mana dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah, membebaskan orang bankrap itu dari apa-apa hutang yang telah dibuktikan dan yang —

(a) mengandungi liabiliti untuk membayar ganti rugi kerana kecuaiian, kacau-ganggu atau pelanggaran kewajipan berkanun, kewajipan kontrak atau kewajipan lain, sebagai ganti rugi berkaitan dengan kecederaan diri kepada mana-mana orang;

(b) timbul di bawah sebarang perintah yang dibuat dalam prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami (Penggag 190) dan Perintah Undang-Undang Keluarga Islam, 2000 (S 12/2000) berkenaan dengan perkara-perkara keluarga; atau

(c) timbul di bawah suatu perintah yang melibatkan liabiliti kewangan yang dibuat di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan perampasan hasil jenayah.

(7) Pelepasan tidaklah membebaskan mana-mana orang selain daripada orang bankrap itu dari apa-apa liabiliti (sama ada sebagai rakan kongsi atau pemegang amanah bersama kepada orang bankrap itu atau pun selainnya) yang darinya orang bankrap itu dibebaskan dengan pelepasan itu, atau dari apa-apa liabiliti sebagai penjamin bagi orang bankrap itu atau sebagai seseorang dalam jenis jaminan tersebut.

(8) Bagi maksud ceraian (6), “kecederaan diri” termasuk kematian dan apa-apa penyakit atau kelemahan lain dalam keadaan fizikal atau mental seseorang.”.

Pindaan bab 43.

5. Bab 43 dari Akta utama adalah dipinda, dalam perenggan (b), dengan memotong “\$500” dari baris kelima dan menggantikannya dengan “\$5,000”.

Pindaan bab 46.

6. Bab 46 dari Akta utama adalah dipinda, dalam ceraian (2), dengan memotong “\$500” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “\$10,000”.

Pemasukan bab 61A baru.

7. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 61 —

“Kuasa untuk merampas pasport dll. orang bankrap.

61A. (1) Pemegang amanah boleh, jika difikirkannya perlu bagi maksud-maksud untuk memastikan bahawa orang bankrap tidak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dalam masa pentadbiran estetnya, mengeluarkan suatu arahan kepada Pengawal Imigresen untuk meminta supaya orang bankrap itu dihalang dari meninggalkan Negara Brunei Darussalam.

(2) Tertakluk kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan buang negeri atau imigresen, Pengawal Imigresen hendaklah menurut arahan di bawah ceraian (1) mengambil, atau menyebabkan untuk diambil oleh mana-mana pegawai imigresen, langkah-langkah sebagaimana yang mungkin perlu untuk menghalang orang bankrap yang dinamakan dalam arahan itu dari meninggalkan Negara Brunei Darussalam, termasuk penahanan pasport orang bankrap itu, sijil pengenalan atau dokumen perjalanan yang membenarkan orang bankrap itu meninggalkan atau memasuki Negara Brunei Darussalam.

(3) Jika Pengawal Imigresen telah menahan pasport, sijil pengenalan atau dokumen perjalanan lain orang bankrap di bawah ceraian (2), Pengawal hendaklah dengan serta-merta mengemukakan pasport, sijil pengenalan atau dokumen perjalanan itu kepada pemegang amanah.

(4) Dengan tidak menghiraukan ceraian-ceraian (1), (2) dan (3), pemegang amanah boleh, jika difikirkannya patut, menahan mana-mana pasport, sijil pengenalan atau dokumen perjalanan lain yang membenarkan orang bankrap itu meninggalkan atau memasuki Negara Brunei Darussalam.

(5) Pemegang amanah boleh, jika difikirkannya patut, menyimpan atau mengembalikan kepada orang bankrap itu pasport, sijil pengenalan atau

dokumen perjalanan yang dikemukakan kepadanya oleh Pengawal Imigresen di bawah ceraian (3) atau ditahan olehnya di bawah ceraian (4).”.

Pemasukan Bahagian IIIA baru.

8. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan Bahagian baru yang berikut sejurus selepas Bahagian III —

“BAHAGIAN IIIA

**KEWAJIPAN, PEMBATALAN KELAYAKAN DAN KETIADAUPAYAAN
ORANG BANKRAP**

Kewajipan orang bankrap.

74A. (1) Orang bankrap hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa kewajipan lain yang dinyatakan dalam Akta ini —

(a) membuat penzahiran dan penyerahan semua hartanya yang berada di bawah milikan atau kawalannya kepada pemegang amanah;

(b) menyerahkan kepada pemegang amanah semua buku, rekod, dokumen, tulisan dan kertas termasuk (tanpa menghadkan keluasan makna peruntukan yang tersebut di atas), apa-apa dokumen atau surat ikatan hak milik, polisi insurans dan rekod dan penyata cukai dan salinannya dengan apa jua cara berkenaan dengan harta atau urusannya;

(c) pada masa dan di tempat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pemegang amanah, hadir di hadapan pemegang amanah dan menjawab soalan-soalan sebagaimana yang mungkin diajukan oleh pemegang amanah berkenaan dengan urusan, urusaniaga dan hartanya dan sebab-sebab kegagalannya;

(d) membuat atau memberi segala bantuan dalam kuasanya kepada pemegang amanah dalam membuat inventori asetnya;

(e) membuat pendedahan kepada pemegang amanah tentang semua harta yang dilupuskan dalam tempoh masa sebelum dia bankrap sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh pemegang amanah, dan bagaimana dan kepada siapa dan atas pertimbangan apa mana-mana bahagiannya dilupuskan kecuali bahagian yang telah dilupuskan dengan cara perdagangan biasa atau digunakan bagi perbelanjaan persendirian yang munasabah;

(f) membuat pendedahan kepada pemegang amanah tentang semua harta yang dilupuskan dengan pemberian atau penyelesaian

tanpa balasan bernilai yang mencukupi dalam masa 5 tahun sejeurus sebelum dia bankrap;

(g) hadir dalam mana-mana mesyuarat pemiutangnya yang diadakan oleh pemegang amanah di bawah bab 17, melainkan jika terhalang kerana sakit atau sebab lain yang mencukupi dan patuh dalam mesyuarat itu kepada pemeriksaan;

(h) apabila dikehendaki, hadir dalam mesyuarat lain pemiutangnya;

(i) membantu dengan segala daya upayanya dalam merealisasikan hartanya dan pembahagian hasilnya di kalangan pemiutang-pemiutangnya;

(j) menyempurnakan surat kuasa wakil, pemindahan hak, surat ikatan dan instrumen sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh pemegang amanah;

(k) memeriksa ketepatan semua bukti tuntutan yang difailkan, jika dikehendaki oleh pemegang amanah;

(l) sekiranya mana-mana orang telah sepanjang yang diketahuinya memfailkan suatu tuntutan palsu, mendedahkan fakta itu dengan serta-merta kepada pemegang amanah;

(m) pada amnya melakukan semua perbuatan dan perkara berkenaan dengan hartanya dan pembahagian hasilnya di kalangan pemiutang-pemiutangnya sebagaimana yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh pemegang amanah atau ditetapkan oleh aturan-aturan atau diarahkan oleh Mahkamah dengan apa-apa perintah atas sebarang permohonan oleh pemegang amanah atau oleh mana-mana pemiutangnya; dan

(n) sehingga dia telah dilepaskan dari kebangkrapan, sentiasa memaklumkan pemegang amanah pada setiap masa tempat kediaman atau alamatnya.

(2) Jika orang bankrap telah bertukar alamat kediamannya dan telah membuat suatu laporan mengenai pertukaran tersebut di bawah peraturan 13 dari Peraturan-Peraturan Pendaftaran Taraf Kebangsaan yang dibuat menurut bab 6 dari Akta Pendaftaran Taraf Kebangsaan (Penggal 19) —

(a) dia hendaklah dianggap telah memberitahu pemegang amanah mengenai pertukaran alamat kediamannya bagi mematuhi cerai (1)(n); dan

(b) alamat kediaman baru seperti yang dilaporkan olehnya di bawah peraturan 13 dari Peraturan-Peraturan Pendaftaran Taraf Kebangsaan hendaklah, melainkan jika dia memberitahu pemegang amanah secara bertulis sebaliknya, dianggap sebagai alamatnya yang terakhir diketahui bagi maksud ceraian (3).

(3) Apa-apa notis atau proses yang diberikan atau disampaikan kepada orang bankrap itu di alamatnya yang terakhir diketahui hendaklah dianggap telah sempurna diberikan atau disampaikan dan hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai fakta penyampaian.

Pembatalan kelayakan orang bankrap.

74B. (1) Selain apa-apa pembatalan kelayakan di bawah sebarang undang-undang bertulis lain, orang bankrap hendaklah dibatalkan kelayakannya daripada dilantik atau bertindak sebagai seorang pemegang amanah atau wakil diri berkaitan dengan apa-apa amanah, estet atau penyelesaian, kecuali dengan kebenaran mahkamah.

(2) Apa-apa pembatalan kelayakan yang kepadanya orang bankrap itu tertakluk di bawah bab ini hendaklah terhenti apabila —

(a) perintah kebankrapan terhadapnya dimansuhkan atau dibatalkan; atau

(b) dia dilepaskan di bawah bab 30 atau 30A.

(3) Mana-mana orang yang bertindak sebagai seorang pemegang amanah atau wakil diri semasa dia dibatalkan kelayakannya menurut ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Ketiadaupayaan orang bankrap.

74C. (1) Jika orang bankrap belum mendapatkan pelepasannya —

(a) dia tidak layak menyelenggarakan apa-apa tindakan, selain dari tindakan bagi mendapatkan gantirugi berkaitan dengan suatu kecederaan kepada dirinya, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pemegang amanah; dan

(b) dia tidak boleh meninggalkan, tinggal atau menetap di luar Negara Brunei Darussalam tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pemegang amanah.

(2) Orang bankrap yang gagal mematuhi bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, sebutan kepada “pemegang amanah” hendaklah termasuk sebutan kepada “Pegawai Penerima”, mengikut mana yang berkenaan.”.

Pemasukan bab 115A baru.

9. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 115 —

“Pengiktirafan timbal balik Pegawai Pemegang Harta.

115A. (1) Menteri boleh, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan bahawa Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah membuat suatu perjanjian dengan kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura bagi pengiktirafan oleh tiap-tiap kerajaan akan Pegawai Pemegang Harta dalam kebangkrutan yang dilantik oleh kerajaan yang satu lagi.

(2) Dari tarikh pemberitahuan itu jika mana-mana orang telah diputuskan sebagai orang bankrap oleh sebuah mahkamah di Malaysia atau Singapura, mengikut mana yang berkenaan, harta orang bankrap itu yang terletak di Negara Brunei Darussalam yang akan, jika dia telah diputuskan bankrap di Negara Brunei Darussalam, terletakhak pada Pegawai Pemegang Harta di Malaysia atau Singapura, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah terletakhak pada Pegawai Pemegang Harta yang dilantik oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura, dan semua mahkamah di Negara Brunei Darussalam hendaklah mengiktiraf hakmilik Pegawai Pemegang Harta itu kepada harta tersebut.

(3) Ceraian (2) tidak boleh dikenakan jika suatu permohonan kebangkrutan telah dibuat terhadap orang bankrap itu di Negara Brunei Darussalam sehingga permohonan itu telah ditolak atau ditarik balik atau perintah kebangkrutan itu telah dimansuhkan atau dibatalkan.

(4) Pengemukakan suatu perintah penghukuman yang dikatakan telah diperakui, di bawah meterai mahkamah di Malaysia atau Singapura yang membuat perintah itu, oleh pendaftar mahkamah itu, atau satu salinan *Warta Kerajaan* rasmi Malaysia atau Singapura yang mengandungi suatu notis tentang suatu perintah yang memutuskan orang itu sebagai orang bankrap hendaklah menjadi bukti muktamad di semua mahkamah di Negara Brunei Darussalam tentang perintah yang telah sempurna dibuat itu dan tentang tarikhnya.

[5] Pegawai Pemegang Harta di Malaysia atau Singapura boleh mendakwa dan didakwa di mana-mana mahkamah di Negara Brunei Darussalam dengan nama rasmi “Pegawai Pemegang Harta bagi Harta (nama orang bankrap), seorang bankrap di bawah Undang-Undang Malaysia, atau “Pegawai Pemegang Harta bagi Harta (nama orang bankrap) di bawah Undang-Undang Singapura”.”.

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 4 haribulan Disember, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM